

80 anggota skuad urus jenazah UMP

BERITA HARIAN (AGAMA) 15 Ogos 2016 M/S 32

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mewujudkan Skuad Pengurusan Jenazah yang dianggotai 80 sukarelawan membabitkan pegawai, kakitangan dan pelajar universiti berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata menerusi skuad itu, UMP dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi persediaan perala-

tan bagi tujuan memandikan, mengkafankan dan penghantaran jenazah ke lokasi pengebumian.

Beri perhatian serius aspek kebajikan

Katanya, warga UMP berasal daripada pelbagai negeri, maka aspek kebajikan dan kesejahteraan mereka sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh pihak pengurusan.

“Aspek kebajikan umpamanya,

tidaklah hanya terhad kepada penyediaan kemudahan penginapan, makanan dan bantuan kewangan, tetapi turut membabitkan kemudahan sokongan perubatan dan pengurusan kematian secara sistematik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sumbangan Van Jenazah Daripada DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) di UMP Kampus Gambang.

Sumbangan van jenis Toyota Hiace itu disempurnakan oleh Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulan DRB-HICOM, Shaik Abbas Ibrahim.

Daing Nasir berkata, perkhidmatan yang sempurna dengan peralatan yang serba lengkap ini pastinya akan memberikan kelegaan kepada keluarga si mati dan dengan itu membolehkan urusan pengebumian dijalankan dengan lebih cepat serta teratur.



Daing Nasir (kiri) menerima replika kunci van jenazah daripada Shaik Abbas, baru-baru ini.